



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 3 OKTOBER 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4.	PASTIKAN BEKALAN MAKANAN MENCUKUPI, HARGA BERPATUTAN, TEMPATAN, MINGGUAN SARAWAK -13 SEDIA BANTU PENGUSAHA KOPI, EKONOMI, MINGGUAN SARAWAK -28 GOVT STUDYING METHODS TO RESOLVE CHICKEN PRICE HIKE ISSUE - MINISTER, HOME, THE SUNDAY POST (KUCHING) -2 NANTA: GOVT STUDYING METHODS TO RESOLVE CHICKEN PRICE HIKE ISSUE, HOME, BORNEO POST (KK) -3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5.	KENYATAAN TAWARAN LKIM: T6/2021, NOTIS, BH -29	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
6. 7. 8. 9. 10. 11. 12.	SOROK ENAM KAMBING SELUDUP DALAM MITSUBISHI TRITON, NEGARA, KOSMO -8 KECAP KEMANISAN TANAM NANAS, XPRESI, METRO AHAD -36 BAJA ORGANIK TINGKAT KEUPAYAAN TANAH, XPRESI, METRO AHAD -37 RUGI RM100,000, TIGA KOLAM IKAN TENGGELAM, NEGARA, KOSMO AHAD -15 SKJP RANGKA PROGRAM MANDUL KUCING JALANAN, NEGARA, KOSMO AHAD -15 BUY MALAYSIAN BOATS FIRST, FOCUS, SUNDAY STAR -18 ARTISANAL FISHERMEN ALSO APPRECIATE UPGRADING, FOCUS, SUNDAY STAR -18	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Pastikan bekalan makanan mencukupi, harga berpatutan		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	03 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	37,981
Page No	13	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	212 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 791
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,373



## Pastikan bekalan makanan mencukupi, harga berpatutan

**KUCHING:** Kerajaan perlu mengambil langkah segera untuk memastikan bekalan makanan sentiasa mencukupi dengan harga yang berpatutan kepada pengguna.

Ahli Parlimen Betong, Datuk Robert Lawson Chuah berkata, kerajaan perlu memberikan komitmen, perhatian dan sokongan terutamanya melalui peruntukan kewangan bagi menjadikan negeri Sarawak sebagai hab makanan utama negara serta meningkatkan keupayaan dan kecekapan di dalam sektor pertanian.

"Sarawak mampu menjadi pengeluar utama beras negara bagi mendukung hasrat kerajaan untuk mencapai tahap sara diri bagi beras kepada 75 peratus menjelang 2030. Namun berbanding dengan keadaan di Semenanjung, kawasan di Sarawak jauh ketinggalan dari aspek infrastruktur sawah.

"Hampir kesemua kawasan penanaman padi bergantung sepenuhnya kepada sumber air hujan (*rain fed*) kerana ketiadaan atau disebabkan kerosakan sistem pengairan yang telah usang.

"Maka, Kerajaan Sarawak memerlukan perbelanjaan sama ada bagi membangunkan kawasan baru atau memulih dan menaiktaraf infrastruktur pengairan dan saliran di kawasan skim penanaman padi sedia ada," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap semasa Perbahasan Rancangan Malaysia Ke-12 di Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Keempat Belas 2021, di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, Robert turut berkata, Sarawak memerlukan pembangunan infrastruktur pengairan dan saliran bagi pembangunan jelapang padi di kawasan Batang Lupar, Sri Aman dipergiatkan.

"Pertambahan pembangunan kawasan yang lengkap dengan infrastruktur tersier ini nanti akan membolehkan pembangunan secara komersial melalui projek SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia (MAFI) yang berteraskan mekanisasi dan automasi bagi meningkatkan pengeluaran dan produktiviti padi.

"Pencapaian sasaran jelapang padi Batang Lupar ini jika dipercepatkan, bakal menyumbang kepada sasaran 75 peratus tahap diri (SSL) beras Negara. Dalam masa yang sama pendapatan seramai 1,154 pesawah di Kawasan Batang Lupar juga dapat dipertingkatkan selaras dengan Fokus Utama Ke-lima RMK-12 ini, iaitu Membasmi Kemiskinan Tegar dan Merapatkan Jurang Pendapatan penduduk luar bandar dan bandar," katanya.

Headline	Sedia bantu pengusaha kopi		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	03 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	37,981
Page No	28	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	492 cm <sup>2</sup>
Journalist	Bernama	AdValue	RM 1,836
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,508



## Sedia bantu pengusaha kopi

**PUTRAJAYA:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Jabatan Pertanian sedia membantu 'dari awal hingga akhir' individu berniat menjadi pengusaha kopi daripada penyediaan proses penanaman, sistem pengaliran hingga pemprosesan kopi.

Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pertanian (Pengurusan dan Regulator) Datuk Zahimi Hassan berkata, buat masa ini, terdapat kira-kira 2,000 pengusaha kopi di Malaysia terutamanya di Kedah, Johor dan Sabah dengan majoriti varieti kopi ditanam adalah jenis 'Liberica' dan 'Robusta'.

Menurut data Jabatan Pertanian, keluasan kawasan penanaman kopi di Malaysia pada 2021 adalah 2,220 hektar berbanding 2,114 hektar pada 2019.

Pengeluaran kopi pada 2020 adalah sebanyak 4,241 tan metrik berbanding 3,559 tan metrik pada 2019, dengan pengeluaran utama ialah Johor dan Sabah, katanya.

"Angka pengeluaran kopi dijangka meningkat setiap tahun dengan mengambil kira potensi penghasilan buah kopi mengikut kematangan pokok," katanya kepada pemberita selepas Sambutan Hari Kopi Sedunia 2021 peringkat kebangsaan di sini semalam.



**TIMBALAN** Ketua Pengarah Jabatan Pertanian (Pengurusan dan Regulator) Datuk Zahimi Hassan menunjukkan varieti kopi jenis 'Liberica' semasa Sambutan Hari Kopi Sedunia 2021 peringkat kebangsaan di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) semalam. • Foto BERNAMA

"Masalah utama dalam industri ini adalah tenaga buruh iaitu keperluan ketika memetik buah kopi yang matang, kerana dalam satu tangkai buah kopi, bukan semua masak pada satu-satu masa, jadi keperluan untuk memetik buah kopi masak dari tangkai sama adalah berulang,"

katanya.

Zahimi berkata, kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM4.5 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) bagi Projek Pembangunan Industri Tanaman Kopi yang antara lain bertujuan menyediakan infrastruktur dan fasiliti pengendalian lepas

tuai dan peralatan kawalan perasak.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Klandee yang merasmikan Sambutan Hari Kopi Sedunia itu secara maya dalam mesejnya berkata, MAFI akan memberi penekanan khusus merangka insiatif

“Angka pengeluaran kopi dijangka meningkat setiap tahun dengan mengambil kira potensi penghasilan buah kopi mengikut kematangan pokok.”

- Datuk Zahimi Hassan

baharu untuk menggalakkan usahawan muda tempatan menceburi industri tanaman kopi.

Tarikh 1 Oktober dipersetujui Organisasi Kopi Antarabangsa (ICO), yang dianggotai 49 negara, sebagai tarikh sambutan Hari Kopi Antarabangsa. Ia bagi mempromosi dan meraikan kopi sebagai satu minuman harian, di samping menghargai petani kopi serta seluruh rangkaian nilai kopi termasuklah pemproses, pengilang hingga pengguna. - Bernama

Headline	Govt studying methods to resolve chicken price hike issue — Minister		
MediaTitle	The Sunday Post (Kuching)		
Date	03 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	65,012
Page No	2	Readership	195,036
Language	English	ArticleSize	200 cm <sup>2</sup>
Journalist	Bernama	AdValue	RM 2,727
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 8,181



## Govt studying methods to resolve chicken price hike issue — Minister

**GOPENG:** The government is looking at several methods to resolve the issue of chicken price hikes, Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Dato Sri Alexander Nanta Linggi has said.

He said the methods would include extending the subsidies for chicken feed and providing soft loans for chicken breeders.

These suggestions, however, were still being discussed with the Agriculture and Food Industry

Ministry (MAFI), he said, adding that the government would need to consider several aspects including economic implications and long-term affordability.

“We have to look for the best methods possible, but not to worry as any decision taken would be beneficial. About two weeks ago, (Agriculture and Food Industry Minister) Datuk Seri Dr Ronald Kiang and I were summoned by the Prime Minister himself for discussions on how

both ministries could come up with solutions over the chicken price hike issue,” he said after a visit to the Malaysian Food Bank Collection and Distribution Centre (Northern Zone) at the Gopeng Rural Transformation Centre (RTC) yesterday.

Nanta said soft loans were also proposed as farmers had claimed that they were also facing rising operating costs, in addition to the cost of chicken feed.

— Bernama



Nanta (centre) visits the Malaysian Food Bank Collection and Distribution Centre (Northern Zone) at RTC Gopeng. — Bernama photo

Headline	Nanta: Govt studying methods to resolve chicken price hike issue		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	03 Oct 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	3	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	78 cm <sup>2</sup>
Journalist	Bernama	AdValue	RM 217
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 651



## Nanta: Govt studying methods to resolve chicken price hike issue

**GOPENG:** The government is looking at several methods to resolve the issue of chicken price hikes, Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said.

He said they include extending the subsidies for chicken feed and providing soft loans for chicken breeders.

These suggestions, however, are still being discussed with the Agriculture and Food Industry Ministry (MAFI), he said, adding that the government would need to consider several aspects, including economic implications and long-term affordability.

“We have to look for the best methods possible, but not to

worry as any decision taken will be beneficial.

“About two weeks ago, (Agriculture and Food Industry Minister) Datuk Seri Dr Ronald Kiang and I were summoned by the Prime Minister himself for discussions on how both ministries can come up with solutions over the chicken price hike issue,” he said after a visit to the Malaysian Food Bank Collection and Distribution Centre (Northern Zone) at the Gopeng Rural Transformation Centre (RTC) here on Saturday.

Nanta said soft loans were also proposed as farmers claimed they were also facing increased operating costs in addition to the cost of chicken feed.

— Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/10/2021	BERITA HARIAN	NOTIS	29



**LKIM**

## LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

### KENYATAAN TAWARAN LKIM: T6/2021

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah kod bidang 340103 (Kajian Ekonomi) untuk perkhidmatan berikut:

No. Tender	LKIM: T6/2021
Tajuk Tender	<b>CADANGAN KAJIAN KEBOLEHLAKSANAAN PENUBUHAN KONSORTIUM PERIKANAN LAUT DALAM</b>
Kod Bidang	<b>340103 (Kajian Ekonomi)</b>
Pendaftaran Perunding	Perunding dikehendaki mendaftar terlebih dahulu secara Atas Talian bagi mendapatkan id pengguna dan kata laluan melalui laman sesawang <a href="https://www.tenderwizard.my/LKIM">https://www.tenderwizard.my/LKIM</a> (Yuran Pendaftaran RM180.00/Setahun)
Tarikh Pembayaran	Tender akan dijual mulai 04/10/2021 (Isnin) pada jam 12.00 tengah hari secara Atas Talian melalui laman sesawang <a href="https://www.tenderwizard.my/LKIM">https://www.tenderwizard.my/LKIM</a> <b>*Perunding yang berdaftar dengan LKIM dan penama yang tercatat di dalam Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia yang DIBENARKAN untuk membeli dokumen tender.</b>
Harga Dokumen	<b>RM200.00</b>
Tarikh Tutup Tawaran	<b>25/10/2021 (Isnin) jam 12.00 tengah hari (Atas Talian dan manual)</b>

2. Tiap-tiap dokumen tender **WAJIB** diisi dengan lengkap dalam sistem e-perolehan LKIM secara **Atas Talian** melalui laman sesawang <https://www.tenderwizard.my/LKIM>
3. Satu salinan asal dokumen tender juga **WAJIB** dikemukakan secara "**Manual**" ke peti tender **Pejabat Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Unit Perolehan, Bahagian Kewangan dan Akaun, Aras Bawah, Wisma LKIM, Jalan Desaria, 47120 PUCHONG** dan ditanda pada bahagian atas sampul surat bermetri itu dengan diberi nombor rujukan tender (**LKIM: T6/2021**) di alamat seperti di bawah pada atau sebelum **25 Oktober 2021** tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari:-

**Unit Perolehan, Bahagian Kewangan Dan Akaun  
Aras Bawah, Wisma LKIM  
Jalan Desaria, 47120 PUCHONG**



**KEADAAN enam ekor kambing yang disorokkan di bahagian belakang sebuah Mitsubishi Triton yang ditahan di SJR Banggol Kong, Jeram Perdah, Rantau Panjang kelmarin.**

## Sorok enam kambing seludup dalam Mitsubishi Triton

**RAWTAU PANJANG** – Taktik dua lelaki yang menyembunyikan enam ekor kambing seludup di bahagian belakang sebuah kenderaan pacuan empat roda gagal apabila mereka ditahan oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) di sekatan jalan raya (SJR) Banggol Kong, Jeram Perdah di sini kelmarin.

Kedua-dua lelaki masing-masing berusia 23 tahun itu ditahan pada pukul 9 malam semasa melalui SJR berkenaan dengan menaiki sebuah kenderaan pa-

cuan empat roda jenis Mitsubishi Triton.

Pegawai Pemerintah Batalion 7 PGA, Superintendan Azhari Nusi berkata, anggota PGA telah menakan kenderaan itu dan terus menjalankan pemeriksaan di bahagian belakangnya.

"Hasil pemeriksaan anggota PGA telah menjumpai enam ekor kambing yang telah ditutup menggunakan karvas bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

"Kedua-dua lelaki berkenaan

juga gagal mengemukakan sebarang dokumen sah melibatkan perjalanan muatan yang dibawa mereka," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Azhari memberitahu, kesemua barangan rampasan termasuk kenderaan dan kedua-dua lelaki itu dibawa ke Balai Polis Jeram Perdah di sini untuk tindakan lanjut.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 36 (1) Akta Binatang 1953.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/10/2021	METRO AHAD	XPRESI	36

## AGHU

Oleh Widyadagay Razali  
rencana@hmetro.com.my

Berbudi pada tanah bukan saja membuahkan hasil yang lumayan, malah menjadikan seorang alumni Universiti Malaysia Kelantan (UMK) ini sebagai petani yang berjaya.

Bermula sekadar ingin mencuba nasib dalam bidang pertanian, tanpa disangka bidang itu kini menjadi kerjaya buatnya selain mampu mengupah empat pekerja.

Penat lelahnya itu juga berbaloi apabila hasil tanaman diusahakan mampu meraih pendapatan lumayan.

Wan Lokman Wan Haron, 33, yang mengusahakan tanaman nanas di Kampung Chuchuh Puteri, Kuala Krai, Kelantan mengakui dia mula terbabit dengan bidang pertanian sebagai pengusaha ladang nanas sejak tiga tahun lalu.

Katanya, dia bermula pada 2018 dengan menanam tanaman itu di atas tanah seluas 0.4 hektar.

"Pada awalnya, saya hanya mahu mencuba nasib dengan mengusahakan tanaman nanas dan ia membuahkan hasil yang mampu menjana pendapatan sehingga lima angka bagi setiap musim.

"Selepas tiga tahun berpanas, berhojan dan bermain lumpur, saya tidak sangka tanaman yang diusahakan ini mampu menghasilkan kira-kira tujuh tan nanas semusim.

"Buah ini saya jual dengan harga borong di pasaran tempatan



WAN Lokman berjaya mengusahakan nanas jenis madu kaca dan MD2 di tanah seluas 0.4 hektar sejak tiga tahun lalu.

# KECAP KEMANISAN TANAM NANAS

Usaha Wan Lokman sejak 3 tahun lalu berbaloi apabila hasilkan 7 tan semusim, raih pendapatan lumayan

Berbekalkan modal sekitar RM30,000 yang diperoleh daripada wang simpanan keluarga, saya memulakan projek tanaman nanas tanpa memohon bantuan daripada mana-mana agensi kerajaan mahupun swasta

**WAN  
LOKMAN**

di lokasi mereka," katanya.

Katanya, daripada sebelum menanam, dia perlu memilih anak pokok yang sesuai dan bermutu bagi memastikan tumbesaran pokok tidak terbantu



SANTARA hasil nanas berkuaiti yang ditosikan

iaitu RM2.50 sekilogram bagi nanas madu kaca, manakala nanas varieti MD2 dijual pada RM4 sekilogram.

"Untuk jualan secara runcit harga sekilogram nanas madu kaca dijual sekitar RM3.50 hingga RM5 dan nanas MD2 mencecah RM5 hingga RM8 sekilogram, bergantung kepada pasaran semasa," katanya, ketika dihubungi.

Menurut anak ketiga daripada 10 beradik itu, nanas MD2 antara yang menjadi rebutan dan mendapat permintaan tinggi kerana rasanya yang manis, lebih berjuas serta serat yang bagus untuk kesihatan.

Lulusan Ijazah Sarjana Muda Keusahawan Teknologi Pertanian daripada Fakulti Agroindustri dan Sumber Asli (FASA) itu berkata, madu kaca juga mendapat sambutan menggalakkan daripada pembeli kerana rasanya yang manis.

"Alhamdulillah, hasil tanaman saya ini mendapat permintaan yang tinggi sama ada secara runcit mahupun borong.

"Bagi jualan runcit, kebanyakan datang dari kawasan kampung ini dan yang terdekat, manakala pemborong mereka datang dari luar daerah untuk dipasarkan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/10/2021	METRO AHAD	XPRESI	37

dan menghasilkan buah mengikut spesifikasi dikehendaki.

Menurutnya, nanas memerlukan penjagaan rapi dengan melakukan kerja penyelenggaraan termasuk mengembur tanah dan membuang rumput setiap hari bagi memastikan proses tumbesarnya tidak terjejas.

Jelas Wan Lokman, selain itu, dia perlu mengawasi tanaman itu supaya tidak menjadi sasaran makhluk perosak dengan menggunakan racun yang sesuai.

Mengimbau bagaimana boleh terbabat dengan tanaman nanas, Wan Lokman berkata, pada awalnya dia mendapat galakan dan sokongan daripada keluarga terutama bapa yang sentiasa memberi semangat serta motivasi untuknya mengusahakan

nanas di kawasan tanah pertanian terbiar.

"Berebalkan modal sekitar RM30,000 yang diperoleh daripada wang simpanan keluarga, saya memulakan projek tanaman nanas tanpa memohon bantuan daripada mana-mana agensi kerajaan mahupun swasta.

"Saya mengusahakan kawasan tanaman secara berperingkat dengan permulaan modal yang kecil dan memperoleh anak benih nanas dibeli di pasaran.

"Malah saya bersyukur kerana semua urusan dipermudahkan Allah. Pengalaman belajar ketika menuntut di UMK banyak membantu saya untuk menjadikan bidang pertanian sebagai perniagaan dan kerjaya.

"Ketika di universiti, pensyarah sentiasa



MEMETIK nanas di kebun di Kampung Chuchuh Puteri

LOKASI penanaman nanas MD2 dan modu kaca.



WAN Lokman bersama pekerjaannya memetik buah nanas



WAN Lokman meninjau hasil tanamannya nanas di kebunnya

berpesan untuk menjadi usahawan yang berjaya perlu sentiasa mementingkan produk berkualiti. Jadi, saya amat mementingkan hasil pengeluaran tanaman yang bermutu bagi menjamin kepuasan pelanggan atau pemborong," katanya.

Wan Lokman yang masih bujang berkata, pada awal pembabitannya dalam bidang itu, banyak cabaran yang terpaksa ditempuhi.

Menurutnya, cabaran itu memberi pengalaman serta mengajarnya untuk bangkit dan berusaha dengan lebih gigih.

"Untuk mecebur apa-apa bidang sekalipun kita kena usaha tanpa jemu dan komited melakukan yang terbaik. Begitu juga dengan bidang pertanian yang perlu kesungguhan untuk berjaya.

"Alhamdulillah, hasil usaha, sokongan dan semangat daripada ibu bapa serta keluarga, saya mampu mengusahakan tanaman ini.

"Walaupun orang anggap bidang pertanian satu kerjaya yang tidak glamor, bidang itu memberi hasil yang lumayan jika diusahakan bersungguh-sungguh.

"Saya juga merancang mempelbagaikan lagi hasil pertanian pada masa hadapan dengan mengusahakan kebun durian, sayur-sayuran dan tanaman lain.

"Saya turut menaruh harapan tinggi untuk menjadikan kawasan Kampung Chuchuh Puteri antara lokasi pengeluaran nanas premium di Kuala Krai sekiranya kawasan ini terus dimajukan dengan tanaman nanas secara komersial," katanya.

Sama seperti manusia, tanaman juga memerlukan makanan untuk hidup.

Sumber air dan matahari saja tidak cukup untuk kekal sihat dan berbunga, seterusnya menghasilkan buah yang lebat.

Baja menjadi makanan utama pokok dan yang terbaik adalah jenis organik dan bebas bahan kimia.

Baja organik diperbuat daripada bahan semula jadi seperti sisa kumuhan haiwan, rumpai laut, tulang binatang, tumbuhan yang mereput dan sisa makanan.

Ia dikatakan mampu meningkatkan keupayaan tanah untuk menampung air dan nutrien dengan lebih cekap.

Baja organik juga sangat berguna terutama kepada tanah berpasir yang mudah hilang nutrien dan tidak dapat menahan air semasa hujan lebat.

Selain itu, baja organik juga membentuk persekitaran bermanfaat dan habitat kepada cacing tanah serta hidupan mikroba yang bertindak menjadikan tanah lebih subur.

Ia melepaskan nutrien secara perlahan-lahan dan sistematis selain menggalakkan kesuburan serta perkembangan tanah yang maksimum.

Lebih penting, baja organik juga tidak mencemarkan air bawah tanah berbanding baja kimia.

## Baja organik tingkat keupayaan tanah



BAJA organik diperbuat daripada bahan organik semula jadi seperti sisa kumuhan haiwan, rumpai laut, tulang binatang, tumbuhan yang mereput dan sisa makanan



BAJA jenis organik membentuk persekitaran bermanfaat dan habitat kepada cacing tanah serta hidupan mikroba yang bertindak menjadikan tanah lebih subur.



**MOHAMMAD NASIR** menunjukkan keadaan Sungai Ngor yang dihiduwa ditambak sehingga menjadi sempit dan mengakibatkan berlakunya banjir kilat di Kampung Ngor, Kuala Kangsar kelmarin.

## Rugi RM100,000, tiga kolam ikan tenggelam

Oleh ASLIZA MUSA

**KUALA KANGSAR** - Seorang pengusaha kolam ternakan ikan berpuath mata selepas ribuan ikan air tawar yang diusahakannya terlepas akibat banjir kilat di Kampung Ngor di sini kelmarin.

Mohamad Nasir Mohd. Razali, 39, berkata, bencana alam itu mengakibatkan dia mengalami kerugian lebih RM100,000 apabila tiga kolam ikannya ditenggelami limpahan air Sungai Ngor. Katanya, kejadian itu bukan pertama kali dialami, sebaliknya berlaku lebih 10 kali dalam tempoh setahun.

"Setiap kali hujan lebat, saya mula bimbang kerana air Sungai Ngor akan melimpahi dan menyebabkan banjir.

"Keadaan ini memberi kesan kepada tiga kolam ikan yang

mana ikan seperti kelah, baung dan belida hanyut dibawa arus deras," katanya ketika ditemui semalam.

Menurutnya, kejadian itu menyebabkan dia mengalami kerugian ratusan ribu ringgit mengikut harga kelah iaitu RM500 sekilogram.

"Ikan-ikan ini saya pasarkan sendiri di restoran sekitar Pahang dan Selangor. Kelah dijual pada harga RM500 sekilogram manakala baung dan belida pula RM45 sekilogram.

"Kali ini, saya tidak sempat menukmati hasil jualan apabila ketiga-tiga kolam ditenggelami banjir," katanya.

Mengulas lanjut, lelaki itu mendakwa, banjir kilat sejak 2019 dipercayai berpunca daripada tindakan menambak sungai untuk projek ternakan ikan.

Jelasnya, tindakan pihak tidak bertanggungjawab itu menyebabkan sungai menjadi sempit sekali gus tidak mampu menampung air hujan yang banyak sehingga mengakibatkan banjir.

"Tambatnya, aduan mengenai masalah sudah dibuat kepada pemimpin setempat dan jabatan terlibat, namun sehingga kini tiada sebarang tindakan diambil.

"Sepanjang saya membesar di kampung ini, tidak pernah berlaku banjir sehingga wujud projek tersebut yang telah menambak rizab sungai hingga menyebabkan aliran sungai menjadi sempit.

"Masalah yang kami alami sepanjang tiga tahun ini boleh diselesaikan sekiranya pihak berkaitan mengambil tindakan segera dengan mendalamkan dan meluaskan sungai," katanya.

## SKJP rangka program mandul kucing jalanan

**KUANTAN** - Populasi kucing jalanan di sekitar bandar raya ini yang semakin bertambah dikhuatiri mengundang masalah bukan sahaja kepada orang ramai tetapi kepada haiwan itu sendiri.

Justeru, Kelab Sahabat Kucing Jalanan Pahang (SKJP) mengambil langkah proaktif dengan merangka program memandulkan kucing jalanan bagi mengawal pertumbuhan.

Pengerusinya, Jurina Abdul Rani berkata, program jujukan kali itu akan dilaksanakan pada minggu hadapan dengan operasi rasmi menangkap kucing di lima lokasi yang telah dikenal pasti.

"Hanya kucing jalanan sihat dan berumur lebih setahun akan dimandulkan seterusnya dikuarantin selama dua hari sebelum dilepaskan semula.

"Kami juga akan membuka peluang kepada individu yang berminat untuk mengambil kucing yang dimandulkan un-

tuk dibela," katanya semalam. Menurut Jurina, program itu dilakukan dengan kerjasama Majlis Bandaraya Kuantan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pahang dan Pasukan Tindakan Cemas Malaysia Pahang membatalkan Umot Kebajikan Haiwan dan Alam Sekitar.

Operasi menangkap kucing jalanan dijadualkan pada 7 Oktober ini membatulkan beberapa lokasi antaranya Pasar Besar Kuantan dan kawasan permia-gaan Jaya Gading.

Sebanyak 50 ekor kucing jalanan akan dimandulkan dan proses itu mengambil masa tiga hari termasuk kuarantin.

"Program ini akan diadakan secara berterusan pada masa akan datang dalam memastikan pembalakan kucing dapat dikawal sepenuhnya.

"Selepas ini program akan dipertuaskan ke daerah lain yang berdepan masalah sama," ujarnya.



**JURINA** memeriksa kucing jalanan yang ditempatkan di pusat jagaan kucing SKJP di Kuantan semalam.

Stories by MENG YEW CHOONG  
ymeng@thestar.com.my

AS the nation becomes more prosperous, the demand for fish in the country is expected to grow. This makes it essential to modernise our fishing fleet if we are to meet the increased demand.

However, Malaysian fishermen should not only invest in brand new steel or composite fishing boats, but also source them from local manufacturers, say the Association of Marine Industries of Malaysia (Amim).

The progression to modern vessels - which can be made of high-tech composite materials other than metal - from the rickety wooden ones will bring the nation's fisheries industry to the next level, says Soo Jee Main, president of Amim.

"Not only will modern boats enable our fishermen to venture into deeper seas, the orders of these vessels will go a long way towards supporting the local shipbuilding and ship repair industry at the same time," he says as he underlines the challenges facing the local industry.

For years, the local shipbuilding industry has been calling for government assistance to give its players a leg up. The value of good quality boats to the fisheries industry cannot be underestimated, says Soo.

In 2019, fish production and the fisheries industry's contribution to the Malaysian economy stood at 1,455,446 tonnes, with a value of RM11.33bil. Citing Fisheries Department data, Amim highlights that more than 50,000 fishing vessels (all types and tonnage) plying Malaysian waters provide work to 126,595 people, with 95,443 of them local fishermen, and the remaining 31,152 foreigners.

According to Amim, a majority of Malaysian fishermen are not ready to venture into deeper seas, preferring to just fish in the waters closer to shore. This is reflected in the line-up of fishing vessels here, with only 2,300 vessels falling under Class C, and 600 under Class C2, which pales in comparison to the total of 50,000 vessels.

Boats in classes C and C2 are typically made of steel, with a gross registered tonnage (GRT) of at least 40, and can venture into deeper waters, which are at least 22km from the shore.

GRT is the measure of a ship's total internal volume, as expressed in "register tonnes", each of which is equal to 100 cubic feet (2.83 m<sup>3</sup>).

"At the moment, only 2% out of 50,000 fishing vessels are involved in deep-sea fishing (C class and above), while the remaining 98% are involved in inshore fishing. The majority of fishing vessels operating in Malaysia are wooden," says Soo, underscoring the massive potential for the industry

# Buy Malaysian boats first

Local shipbuilders appeal to fishermen to look at local shores first when it comes to buying boats. They are just as good as any foreign players out there, says the country's shipbuilders.



**Soo:** "Our Malaysian-designed and fabricated fishing trawlers and fisheries research vessels have been exported to Australia and Bangladesh."

if fishermen are given more incentives and assistance to switch to modern boats.

"The average wooden hull life can be as long as 20 years, but the maintenance cost of these boats increases drastically year by year," says Soo, who is also the business development manager for a shipbuilder and repairer based in Lumut, Perak.


The local shipbuilding industry is currently saddled with excess capacity, partly contributed by the downturn in the oil and gas industry, as well as stiff competition from regional players.

With 111 members (97 ordinary members and 14 associate members), Amim represents a vast sector of the Malaysian marine industry, which comprises shipbuilding, ship repair and marine-related industries. Its primary mission is to promote the interests of its members, to assist in the development of shipbuilding and repair as well as the marine-related industry, while pushing for continuous improvement of maritime standards. Amim stakeholders maintain that local shipyards have the capacity and capability to build all types and sizes of fishing vessels.

"For example, our Malaysian-designed and fabricated fishing trawlers and fisheries research vessels have been exported to Australia and Bangladesh," says Soo.

"In the meantime, our industry, the shipbuilding and ship repair industry, and its spillover effects to the entire maritime industry

## Division of fishing zones in Malaysian waters



**Shipbuilding opportunities:** Malaysia has a long way to go in modernising its fishing fleet, with much room to upgrade tens of thousands of old wooden boats to steel or composite ones.

ecosystem can contribute significantly to the economy in line with government's National Recovery Plan by empowering the people, propelling businesses and stimulating the economy."

Amim Fisheries Task Force chairman Nornazifah Saad

believes that modern fishing vessels with improved safety and proper accommodation facilities will be able to attract more millennials to join the fishing industry.

"They will have the ability to learn and use modern gear, navigation, and marine engineering.

"This will enhance the livelihood and quality of life with improved catch leading to higher incomes for fishermen," says Nornazifah, who is working on the construction of the first steel-hull class C2 fishing boat at a local engineering and maritime services company.

Malaysian players are wary of the threat posed by foreign players, such as those from China and Europe, who have a large arsenal of modern fishing boats for export.

"They know that Malaysia will need to modernise its fishing fleets, and more than 50,000 wooden boats are ripe for replacement," says Amim, which says that Malaysia has been building ships for more than a century; the country's first shipyard was set up in Sarawak in 1912. The Brooke Dockyard opened for business near Kuching then and has since evolved into a credible marine engineering entity with active involvement in the oil and gas, shipbuilding and ship repair business, and other civil infrastructure.

"Amim would like to express our concern and to plead for foreign builders to be restricted from building modern fishing vessels for Malaysia. The use of foreign-made vessels should only be considered if the local shipyard is unable to build the vessel. Building modern

## Artisanal fishermen also appreciate upgrading

A TRADITIONAL fisherman for the last 42 years, Haris Abdullah says he is really looking forward to assistance to replace his decrepit fibreglass boat.

Says the 61-year-old from Penang island's Kampung Sungai Batu, seasoned fishermen can see how some foreign-made fibreglass boats sport a very high level of finish.

"From the outward appearance, it can be seen the finishing is a notch above. But we are not arguing that foreign boats are necessarily more durable than locally made ones," says the fisherman whose 20-year-old boat is

pretty much near the end of its useful life.

"We understand there are various levels of quality within fibreglass boats, and we really hope that someone will step up to help us obtain suitable replacements," says Haris, who is hopeful that authorities will provide him with a new boat and engine once the Penang South Reclamation project is approved.

He says the effect of a better vessel with larger engines is huge.

"We can see fishermen operating from southern Kedah mak-

ing regular interstate runs into northern Perak waters (easily covering 70km one way) using 30-footers mated to 150hp motors," he notes.

Fajinah Jaafar, 60, from nearby Permatang Tepi Laut, is also pleading for help as she is nursing a 40-year-old 22-foot long fibreglass boat, which she says is almost "ready to fall apart" at any time.

"My dream boat is a 27-footer, powered by a 115hp engine.

"There are many days where I severely limit my fishing range as I am afraid of not being able to navigate strong waves, or flee

impending bad weather," says the mother of two.

She adds that there are hundreds more like her in the southern part of Penang island who are silently praying for assistance to address their plight.

"A larger boat will allow me to bring more fishing gear to catch a greater variety of marine life, while a more powerful motor allows me to reach fishing grounds faster, or go further than my normal operational zone, thus allowing me to have a better shot at improving my livelihood," she says.



**Haris:** Fibreglass fishing boats come in various levels of quality and durability, and Malaysia should move towards excellence in this area.